

# Mahkamah Tinggi Sibu perintah penagih dadah tegar bela diri

**SIBU:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen di Kapit yang membebaskan serta melepaskan seorang penagih tegar daripada pertuduhan menyalahgunakan dadah jenis Methamphetamine dan Amphetamine.

Hakim Wong Siong Tung mengetepikan keputusan itu setelah membenarkan rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen itu, selain mengarahkan tertuduh yang juga responden, Bernard Chu, untuk membela diri.

“Oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen telah terkhilaf di sisi undang-undang dan pada hakikatnya berpendapat bahawa Laporan Patologi mesti dengan jelas menyatakan bahawa Amphetamine dan Methamphetamine yang dikesan dalam sampel air kencing responden/tertuduh adalah

‘dadah berbahaya’ yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB), dan dengan membuat kesimpulan yang munasabah tentang ketiadaan pernyataan sedemikian.

“Atas alasan yang diberikan, Mahkamah ini membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan mengetepikan pelepasan dan pembebasan responden/tertuduh seperti yang diperintahkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

“Responden/tertuduh diperintah membela diri,” ujarnya ketika membacakan keputusan rayuan kes tersebut.

Wong turut mengarahkan kes dirujuk semula di Mahkamah Sesyen untuk sebutan serta menetapkan tarikh perbicaraan dan isu berkaitan ikat jamin.

Terdahulu, Chu didakwa mengambil dadah jenis Methamphetamine dan Amphet-

mine pada 21 Julai 2022, jam lebih kurang 8.15 pagi di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Kapit.

Sehubungan itu, dia didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan dihukum mengikut Seksyen 39C(1) ADB 1952 di Mahkamah Sesyen di Kapit.

Hakim Mahkamah Sesyen kemudian mendapati pihak pendakwa raya gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh di akhir kes pendakwaan, sebelum membenarkan responden/tertuduh yang mempunyai enam kesalahan lampau membabitkan penyalahgunaan dadah, dibebas dan dilepaskan daripada pertuduhan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto, sementara Chu diwakili peguam Jacob Wong.